

# Industri pertanian jana 128,000 peluang kerja dalam 5 tahun

UM- 21/11/2006

Oleh NURUL ANUAR KARI

**KUALA LUMPUR** 20 Nov. – Industri pertanian mampu menjadi penjana utama perkembangan ekonomi negara berdasarkan potensinya mewujudkan 128,000 peluang pekerjaan baru dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peluang pekerjaan industri ini akan ditumpukan di kawasan luar bandar untuk mengekalkan tenaga kerja muda di kawasan tersebut dan mengurangkan jumlah penghijrahan mereka ke bandar.

“Selain itu, kerajaan akan menambah kemudahan infrastruktur, program latihan keusahawanan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta aplikasi penuh bioteknologi untuk menarik lebih ramai tenaga kerja muda.

“Potensi perkembangan industri ini juga dapat dilihat melalui kejayaannya mencapai jumlah nilai tambah sebanyak RM16.9 bilion pada 2005 dan dijangka mencapai sasaran pembangunan sebanyak 5.2 peratus kelak,” katanya.

Beliau berucap semasa melancarkan Bengkel Latihan Pemasaran dalam Saluran Pengedaran Pertanian Serantau FAO/AFMA/FAMA dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AFMA Ke-26 dan Perhimpunan Agung AFMA di sini hari ini.

Bengkel lima hari itu disertai 41 orang peserta tempatan dan luar negara dari Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Persatuan Makanan, Pertanian dan Pemasaran Pasifik dan Asia (AFMA) dan Lem-

baga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Perasmian untuk Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AFMA Ke-26 dan Perhimpunan Agung AFMA juga berlangsung serentak dengan pelancaran bengkel tersebut.

Muhyiddin yakin industri asas tani juga dapat mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi, menghapuskan kemiskinan dan memberi peluang kepada penduduk luar bandar berjaya sebagai usahawan.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan petani tidak sepatutnya kekal sebagai penge-



luar sahaja, malahan perlu melibatkan diri dengan kegiatan pemprosesan dan pengurusan rangkaian bekalan untuk menambah bilangan usahawan tempatan.

“Selain pertanian komersial berskala besar, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di luar bandar juga akan diberikan perhatian sewajarnya untuk menghasilkan lebih ramai usahawan-usahawan muda.

“Taman perindustrian juga akan dibina berhampiran sumber-sumber pertanian untuk meningkatkan produktiviti, menjaga kualiti dan kebolehpercayaan pengguna terhadap hasil tani,” ujarnya.

Tambahnya, kerajaan juga akan menggerakkan usaha supaya hasil industri pertanian negara mencapai tahap kualiti dan piawaian antarabangsa.

Beliau turut menekankan produk berkualiti bukan hanya untuk dieksport tetapi juga untuk pasaran tempatan yang menjadi pasaran utama hasil tani negara.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Pegawai Pemasaran dan Kewangan Luar Bandar Rantau Pasifik dan Asia FAO, Ralph Houtman; Pengarah Eksekutif AFMA, M. R. Satyal; Pengerusi FAMA, Datuk Abdul Rahim Bakri dan Ketua Pengarah FAMA, Haron A. Rahman.